



TEKS UCAPAN

**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

SEMPENA

**PROGRAM KHATAM TADARUS AL-QURAN DAN
PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA IBU TUNGGAL
SEMPENA AIDILFITRI ANJURAN**

WANITA PARLIMEN MASJID TANAH

**TARIKH: 2 MEI 2021 (AHAD), MASA: 12.00 TENGAH HARI
DI MASJID SALMAH KHAMIS, DURIAN DAUN, MASJID TANAH
(WAKIL : YABHG DATIN SERI UTAMA HAJAH MUNIRA BINTI M. YUSOP)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,
Menggamit Dunia.

Terima Kasih Puan Siti Kalthom Binti Ahmad, Selaku
Pengacara Majlis, Merangkap Setiausaha Wanita
Bahagian Masjid Tanah

Yang Berhormat Datuk Wira Latipah Binti Omar,
Exco Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga
dan Kebajikan Negeri Melaka,

Merangkap Ketua Wanita Bahagian Masjid Tanah;
Yang Berusaha Puan Robiah Binti Baba,
Naib Ketua Wanita Bahagian Masjid Tanah;

Yang Berusaha Ustazah Rozita Binti M. Hamid,
Penceramah Undangan;

Yang Berusaha Ustaz Mohd Ikhwan Bin Zahari,
Pengetua Sekolah Menengah Imtiaz Ulul Albab Melaka,
Merangkap Penyelaras Masjid Salmah Khamis;

Peserta-peserta Tadarus Al-Quran, yang diraikan
Penerima Sumbangan Ibu Tunggal;

Seterusnya Ahli Jawatankuasa Wanita Bahagian Masjid Tanah, Ketua-Ketua Wanita Cawangan dan Hadirin Hadirat Semua.

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita berhimpun pada hari ini sempena Program Khatam Tadarus Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan kepada Ibu Tunggal sempena Aidilfitri anjuran Wanita Parlimen Masjid Tanah.

2. Pertama sekali, bagi pihak YAB Datuk Seri Utama Hj. Sulaiman bin Md. Ali, Ketua Menteri Melaka, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Wanita Bahagian Masjid Tanah di atas penganjuran program ini. Sungguhpun, pada hari ini telah masuk hari yang ke-20 kita menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak, masih tidak terlambat rasanya, untuk saya ucapkan selamat berpuasa kepada semua.

3. Saya juga ingin menyampaikan salam takzim daripada YAB Ketua Menteri, kerana tidak dapat bersama semua di majlis ini, disebabkan ketentuan lain yang telah diatur terlebih dahulu dan tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, YAB Datuk Seri Utama mendoakan agar majlis ini berjalan lancar.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

PROGRAM KHATAM, AL-QURAN

4. Sesungguhnya, saya menyambut baik usaha Wanita Bahagian Parlimen Masjid Tanah di atas penganjuran program yang cukup bermakna lebih-lebih lagi pada bulan penuh rahmat ini. Saya difahamkan seramai 30 orang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Wanita dan Ketua Wanita telah mengambil bahagian dalam program tadarus Al-Quran pada hari ini. Saya turut dimaklumkan, program tadarus ini juga telah dilaksanakan dengan agihan naskah Al-Quran.

5. Al-Quran adalah kitab suci yang diturunkan dalam bulan Ramadan yang dikenali sebagai Nuzul Al-Quran kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Peristiwa ini dirakamkan oleh Al-Quran sendiri, sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 185 yang bermaksud :

“Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah pada bulan Ramadan yang diturunkan padanya Al-Qur'an sebagai petunjuk bagi manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu serta menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah.”

6. Dalam usaha mendekatkan diri kepada Allah SWT, bulan Ramadan adalah kesempatan paling berharga untuk kita memperbanyak membaca Al-Quran, sama ada secara bertadurus atau berseorangan. Al-Quran yang kita miliki bukan sahaja perlu dibaca, malah ia harus dihayati dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian kita.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

7. Seperti yang dijanjikan oleh Allah SWT, bulan Ramadan adalah bulan terbaik untuk kita meningkatkan segala amal kebaikan, bukan sahaja amalan wajib, malah amanat sunat juga. Pada bulan Ramadan juga, kita digalakkan untuk banyak

bersedekah dan memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

8. Sehubungan dengan itu, selain bertadarus, pada hari ini saya difahamkan, kita akan menyampaikan sumbangan berbentuk duit raya, kurma, dan sepasang kain batik kepada **25 orang penerima** yang terdiri daripada kalangan ibu tunggal sempena kedatangan Hari Raya Aidilfitri nanti.
9. Semoga sumbangan yang disampaikan pada hari ini sedikit sebanyak diharap dapat meringankan beban selain dapat memberikan kegembiraan kepada para hadirin untuk meraikan kedatangan 1 syawal nanti.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

10. Suka saya berpesan kepada semua agar sambutlah perayaan yang bakal menjelma ini dengan sederhana di samping mematuhi segala Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikuatkuasakan.

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya secara peribadi ingin merakamkan rasa syukur dan dengan rendah hati ingin memohon maaf di atas segala kesalahan dan kekurangan diri. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa Wanita Bahagian Parlimen Masjid Tanah yang terlibat secara langsung atau tidak langsung kerana telah melaksanakan majlis ini dengan jayanya. Semoga ukhuwah yang baharu

berputik ini akan disemai subur untuk kita sama-sama menjayakan program yang akan datang.

12. Akhir kalam, saya mewakili YAB Ketua Menteri Melaka, dengan sukacitanya merasmikan Program Khatam Tadarus Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan kepada Ibu Tunggal sempena Aidilfitri anjuran Wanita Parlimen Masjid Tanah bagi tahun 2021.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullah Hiwabarakatuh.